

# SESI DIALOG SPPS BERSAMA STAKEHOLDER

Selaras misi universiti untuk meningkatkan kualiti program akademiknya, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial pada 26 Ogos yang lalu telah mengambil inisiatif menganjurkan Dialog Bersama Stakeholder. Dialog memberi fokus kepada perkongsian pengalaman, harapan terhadap guru awalan dan pencapaian semasa guru graduan SPPS menerusi sudut pandang stakeholder. Antara yang hadir ialah En. Abdullah Mohd Yusnus (Bahagian Pengurusan Sekolah harian, Kementerian pelajaran Malaysia), En. Bohari Mohd Shah (Timbalan Ketua Nazir dan Jaminan Kualiti,

Jabatan Pelajaran Negeri Sabah), Pn. Marie Pik Yong Hua (Pengetua SM St Micheal, Kota Kinabalu) dan Pn. Hjh. Nuinda binti Hajji Alias (Pengetua Maktab Sabah).

Pihak stakeholder antara lain merasakan guru awalan yang menjalani Latihan Mengajar dan graduan SPPS telah menunjukkan peningkatan yang cemerlang. Usaha SPPS khususnya melalui penekanan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari segi kebolehan kandungan (content knowledge), pedagogi, kamahiran menterjemah teori

kepada amali serta kemahiran membina Bahan Bantu Mengajar (BBM) tampak berjaya melonjakkan kompetensi guru awalan dan graduan yang dilahirkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang penambahbaikan antaranya pendedahan guru awalan kepada realiti atau keadaan sebenar sekolah khususnya di kawasan luar bandar serta pengetahuan mereka dalam melihat sekolah sebagai satu sistem organisasi merangkumi (Kepimpinan, iklim dan budaya).